

MAHATHIR-WANITA 2'2'2'

1982

KUALA LUMPUR, 25 OGOS (BERNAMA) -- KEMAJUAN WANITA YANG TIDAK BERASASKAN KEPADA KEMATANGAN DARI SEGI KEROHANIAN BUKANLAH MERUPAKAN KEMAJUAN YANG SEBENAR, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KEMAJUAN WANITA DI NEGARA INI TIDAK HARUS DIUKUR DENGAN KRITERIA PELAJARAN, PEKERJAAN, TARAF SOSIAL DAN EKONOMI ATAU PERANAN DI DALAM POLITIK SAHAJA, KATA PERDANA MENTERI KETIKA MERASMIKAN PERAYAAN HARI WANITA DI SINI.

BELIAU MENGIKHTABKAN SESEORANG WANITA MUNGKIN BERJAYA DARI SEGI KERJAYANYA TETAPI TANPA ASAS KEROHANIAN MENDALAM DAN KUAT, IA MUNGKIN GAGAL DI DALAM PERANAN KEKELUARGAANNYA.

'MALANGNYA KEGAGALAN INI SUKAR SEKALI UNTUK DITELITI OLEH SESEORANG ITU SENDIRI SEDANGKAN IA MEMPUNYAI IMPLIKASI YANG AMAT MENDALAM,' KATA BELIAU.

BELIAU MENGANJURKAN SUPAYA ASPEK KEROHANIAN DIBERIKAN PERTIMBANGAN KHUSUS DALAM STRATEGI MEMAJUKAN WANITA OLEH PERGERAKAN-PERGERAKAN WANITA DI NEGARA INI.

-- LAGI 1850/LK

MAHATHIR-WANITA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA DILEMA WANITA DI ZAMAN MODEN SEKARANG IALAH PENYESUAIAN ANTARA DUA PERANAN UTAMA IAITU SEBAGAI SURIRUMAH DAN IBU DENGAN KERJAYA.

DI BARAT DILEMA ITU MENJADI BEGITU MENONJOL SEJAK TAHUN ENAM PULUHAN SEHINGGA TIMBUL GERAKAN MEMPERJUANGKAN HAK PERSAMAAN TANPA BATASAN BAGI WANITA.

+ADA ANTARANYA YANG MELIHAT MASALAH WANITA KERNA WANITAANNYA,+ KATANYA.

MENURUT BELIAU, GERAKAN PEMBEBASAN WANITA DALAM SUASANA BEBAS DAN MELULU TELAH MEMERANGKAP WAANITA DALAM BERBAGAI -BAGAI JENIS KEGIATAN YANG AKHIRNYA MENGHINA WANITA SENDIRI.

BELIAU BERSYUKUR KERANA GERAKAN SEUMPAMA ITU TIDAK MENULAR DAN MEMPENGARUHI PERGERAKAN WANITA DI NEGARA INI SECARA MENYELURUH.

+KITA DAPAT UMUMNYA MENGAMBIL YANG JERNIS YANG MEMBUANG YAG KERUH+ KATANYA.

DI BARAT, SUASANA SUDAH BERUBAH DAN TERDAPAT KESEDARAN BAHAWA APA YANG DIPERLUKAN BUKANLAH KEBEBASA TANPA BATAS TETAPI KEHORMATAN ANTARA PERIA DAN WANITA YANG MEMBAWA KEBAHAGIAN KEPADA KELUARGA DAN MASYARAKAT. --LAGI 1915/OM

MAHATHIR-WANITA 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAKANKAN BAHAWA FAMILI DAN KERJAYA ADALAH SAMA PENTING DAN TIDAK SEMATA-MATA KEPADA WANITA TETAPI LELAKI JUGA.

+SOALNYA, IALAH MENCAI PENYELESAIAN BUKAN DARI SEGI PERSPEKTIF LELAKI ATAU WANITA SEOLAH-SEOLAH KEDUA-DUANYA BERTENTANGAN TETAPI DARI PERSPEKTIF KEPENTINGAN FAMILI DAN MASYARAKAT,+ KATANYA.

PROSES PEMBANGUNAN MASYARAKAT DI NEGARA INI PERLU DITUMPUKAN KEPADA KEHENDAK FAMILI YANG SIHAT DAN DINAMIS YANG MASALAH FAMILI TIDAK MENGONGKONG PERANAN SUAMI-ISTERI SEBAGAI IBU-BAPA DAN SEGI KERJAYA, TEGASNYA.

BELIAU BERPENDAPAT, DALAM MEMBANGUNKAN NEGARA INI, ASAS PENJUANGAN KAUM WANITA IALAH NILAI-NILAI KETIMURAN YANG PERLU DIPUPUK DAN DIJAMIN KELUHURANNYA OLEH WANITA SENDIRI.

DI SAMPING ITU USAHA-USAHA GIGIH HENDAKLAH DIBUAT BAGI MENKAJI ASPEK-ASPEK YANG BOLEH MENJAMIN KEDUDUKAN WANITA YANG SEWAJARNYA DARI SEGI UNDANG-UNDANG, SOSIAL MAHUPUN EKONOMI. --LAGI 1918/OM

MAHATHIR-WANITA 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NILAI-NILAI TIMUR MENJAMIN KEADILAN - TIDAK MERUGIKAN LELAKI ATAU MENJATUHKAN KEDUDUKAN WANITA.

'IA ADALAH LANDASAN WAJAR DAN SEDERHANA YANG HARUS DIPUPUK KERANA PENERIMAANNYA SECARA MELUAS AKAN MENYELAMAT DAN MENJAMIN KEJAYAAN SEMUA PIHAK,' UJARNYA.

TURUT HADIR DI MAJLIS TERSEBUT DATIN SERI DR. SITI HASMAH, TENGGU PUAN BESAR KURSIH DAN TAN SRI FATIMAH HASHIM, PRESIDEN MAJLIS KEBANGSAAN PERTUBUHAN WANITA MALAYSIA (NCWO) YANG MENGANJURKAN

PERAYAAN TERSEBUT.

— BERNAMA 1935/LK